Zakaria bin Ibrahim lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–1 TAHUN 06
ABDUL HALIM AMAN PK
24 MARCH 2006

Prosedur Jenayah — Rayuan — Menghidupkan semula — Kegagalan perayu hadir semasa rayuan — Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk menghidupkan rayuan — Sama ada mahkamah telah functus officio semasa membatalkan rayuan

Prosedur Jenayah — Penghakiman — Maksud — Keputusan mahkamah membatalkan rayuan kerana ketidakhadiran perayu — Sama ada terjumlah kepada 'keputusan' — Sama ada mahkamah boleh menyemak semula keputusannya sendiri — Kanun Acara Jenayah s 278

Pemohon (perayu) telah disabitkan pada tarikh 24 Julai 2003 dan telah dijatuhkan hukuman penjara. Perayu telah dibenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman dengan ikat jamin dan telah memfailkan notis rayuan. Pada 12 Januari 2006, tertuduh dan juga penjaminnya telah gagal untuk menghadirkan diri ke mahkamah untuk pendengaran rayuan. Lantas, mahkamah telah membatalkan rayuannya itu. Lalu perayu memfailkan notis usul untuk mendapatkan perintah untuk: (1) kes rayuannya disenaraikan dan dihidupkan semula; dan (2) perayu dibebaskan dengan jaminan dan hukuman ke atasnya di gantung sementara menunggu rayuannya dibicarakan. Perayu mengatakan bahawa pada 12 Januari 2006, kes rayuannya itu masih tidak boleh didengar disebabkan rekod rayuan masih di dalam proses penyediaan oleh pihak mahkamah lagi.

Timbalan Pendakwa Raya membantah permohonan tersebut kerana: (1) tidak terdapat apa-apa kesilapan atau kecacatan semasa pengendalian kes ini; (2) mahkamah ini telah 'functus officio' di dalam prosidingnya pada tarikh 12 Januari 2006 itu; (3) mahkamah ini bukanlah 'forumnya' untuk memfailkan dan penentuan permohonan sebegini; dan (4) s 278 Kanun Acara Jenayah menyekat mahkamah ini dari menjalankan kuasa menyemak semula perintah yang telah diberikan.

Diputuskan, membenarkan permohonan perayu:

(1) Sesuatu rayuan itu boleh dianggap sebagai telah muktamad penghakimannya bila mana proses seperti yang digariskan melalui s 386 itu telah dilalui dan dipatuhi terlebih dahulu dengan sepenuhnya (lihat perenggan 14).

(2) Prosiding yang dijalankan di hadapan mahkamah ini pada 12 Januari 2006 itu di mana rayuan perayu telah dibatalkan di atas alasan ketidakhadirannya, bukanlah merupakan sesuatu yang muktamad lagi bagi membolehkan

peruntukan s 278 Kanun Acara Jenayah terpakai. lanya adalah merupakan perintah semasa yang dikeluarkan mengikut proses pengendalian biasa sesuatu kes di mahkamah. Tiada terdapat sebarang 'Judgment' dikeluarkan kerana rayuan masih belum didengari dari segi meritnya lagi dan di tarikh itu juga, didapati rekod rayuan masih belum dilengkapkan lagi. Perintah yang dikeluarkan pada tarikh 12 Januari 2006 itu bukanlah merupakan dan tidak boleh dianggap sebagai suatu 'judgment' (lihat perenggan 15).

(3) Walaupun di bawah Kanun Acara Jenayah, tiada terdapatnya peruntukan nyata mengenai 'inherent power of the Court', ini tidak bermakna kuasa itu tiada. Kuasa budi bicara ters ebut tetap wujud melalui prinsip 'natural justice' yang diambil dan dipraktikkan di bawah sistem 'common law'. Mahkamah percaya dan sentiasa berpegang kepada prinsip 'in the interest of justice', iaitu melalui kuasa budi bicara yang sentiasa dipraktikkan di bawah sistem 'common law' ini. Juga, dari segi kemunasabahannya pula, jika kuasa membatalkan itu ada diberikan di bawah statut, tiada sebab pula mengapa kuasa menghidupkannya semula itu tiada. Kuasa itu ujud, tetapi perlulah diaplikasikan secara 'judiciously, with reasons' (lihat perenggan 16).

(4) Walaupun tiada terdapat pindaan dilakukan terhadap Kanun Acara Jenayah untuk mengenepikan perkara-perkara berbentuk teknikal sebagai penghalang kepada mencapai sesuatu keadilan, amalan mahkamah di akhir-akhir ini nampaknya tidak begitu memberikan penekanan kepada soal-soal yang dianggap sebagai teknikal ini, setidak-tidaknya di dalam kes-kes yang sebegini (lihat perenggan 18).

(5) Demi 'prinsip pentadbiran keadilan' diutuhkan, sesuatu kes itu wajarlah diputuskan dari segi meritnya. Namun diakui hakikat, ianya tetap bergantung kepada keadaan suatu kes itu juga, khususnya kepada keseriusan sesuatu pihak itu sendiri. Di dalam kes ini, mahkamah dengan ini menerima akan alasan ketidakhadiran perayu semasa prosiding pada 12 Januari 2006 itu sebagai alasan yang munasabah (lihat perenggan 19).

[English summary

The applicant (appellant) was convicted on 24 July 2003 and sentenced to imprisonment. The appellant was allowed stay of execution on bail and filed a notice of appeal. On 12 January 2006, the accused and his sureties failed to attend court for the appeal hearing. Immediately, the court cancelled the said appeal. The appellant then later filed the notice of motion to obtain the court order for: (1) the appeal case is listed and reinstated again; and (2) the appellant is freed with sureties and execution is stayed while waiting for the appeal to be heard. The appellant stated that on 12 January 2006, his appeal case had not been heard as his appeal record was still in the preparation process by the court.

Deputy Public Prosecutor objected to the said application because (1) there were no errors or defect during the handling of this case; (2) this court was 'functus officio' in his proceedings on 12 January 2006; (3) this court was not the forum to file such determination on the application of and (4) s 278 of the CPC obstruct the court from executing the power to check again the order given.

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) Such appeal can be considered as a final judgment whereby the process as underlined via s 386 have been complied earlier wholely (seee para 14).

(2) The proceeding held before the court on 12 January, whereby the appellant's appeal was cancelled on grounds of his non-attendance is not final anymore to enable the provision of s 279 of the used CPC. It is an order carried out according to the handling process of a case in court. There isn't any judgment carried out by the court because the appeal was still not heard from its merit and on that date, it was found that the appeal record had not been completed yet. The order issued on 12 January 2006 is not and cannot be said to be a judgment (see para 15).

(3) Even though under the CPC, there was no express provision about the inherent power of the court, this does not mean, there is no power/authority. The said discretionary power still exists through the principle of 'natural justice' and is applicable under the 'common law' principle. The court believes and holds to the principle 'in the interest of justice' which is, a discretionary power applied under this 'common law' system. If the power to cancel is provided under the statute, there is no power to reinstate it again. The power exists but must be applied judiciously with reasons (see para 16).

(4) Even though there are no amendments against the CPC to set aside technical matters as an obstacle to achieve justice, the court's practice lately does not give much focus to technical issues or at the very least in such cases (see para 18).

(5) Due to the principle of administration of justice, such a case is to be rightfully decided from point of merit. However it is admitted that it would depend on the situation of the case, specifically to the seriousness of the party alone. In this case, the court accepted the non-appearance of the appellant during the proceeding on 12 January 2006 as a reasonable reason (see para 19).]

Nota-nota

Untuk suatu kes mengenai maksud penghakiman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2091.

Kes-kes yang dirujuk

New India Insurance Co Ltd v Karam Singh [1972] 2 MLJ 26 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Code of Criminal Procedure 1973 [India] s 386
Kanun Acara Jenayah ss 278, 318
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 1, 2, 92
Kanun Keseksaan. s 376

Richard Bong (Bong & Co) bagi pihak pemohon.
Ahmad Rosli bin Mohd Sham (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Abdul Halim Aman PK:

PENGENALAN

[1] Notis usul yang terdapat di KM (3) ini telah difailkan oleh pihak pemohon pada tarikh 14 Mac 2006 bagi mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(i) bahawa kes rayuan pemohon yang dibatalkan pada 12 Januari 2006 disenaraikan dan dihidupkan semula;

(ii) bahawa pemohon dibenarkan dibebaskan dengan jaminan dan hukuman ke atasnya di gantung sementara menunggu rayuannya dibicarakan; dan

(iii) apa juga perintah/relif yang difikirkan patut dan sesuai serta wajar diberikan oleh mahkamah ini.

LATAR BELAKANG KES

[2] Pemohon adalah merupakan perayu di dalam Rayuan Jenayah No 42–13 tahun 2003 yang telah didaftarkan pada tarikh 31 Julai 2003. Pemohon yang merupakan tertuduh di dalam Kes Tangkap No 61–07–2000 telah dituduh di Mahkamah Sesyen Temerloh di atas suatu pertuduhan di bawah s 376 Kanun Keseksaan.

[3] Perayu telah disabitkan di atas tuduhan tersebut pada tarikh 24 Julai 2003 dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh 10 tahun dan hukuman sebatan dengan rotan sebanyak dua kali sebatan. Perayu telah dibenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman dengan ikat jamin berjumlah RM10,000. Notis rayuan telah difailkan pada 31 Julai 2003 terhadap keputusan hakim bicara.

[4] Kes rayuannya ini telah ditetapkan untuk sebutan dan perbicaraan beberapa kali sehinggalah membawa kepada pendengaran rayuan pada 12 Januari 2006.

[5] Pada 12 Januari 2006, tertuduh dan juga penjaminnya telah gagal untuk menghadirkan diri ke mahkamah. Lantas di atas kegagalan menghadirkan diri pada tarikh tersebut, mahkamah telah membatalkan kes rayuannya itu. Lalu membawa kepada pemfailan notis usul di KM (3) ini.

[6] Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh pemohon sendiri bertarikh 10 Mac 2006 seperti yang terkandung di KM (2). Bersama afidavit tersebut, dikepilkan beberapa ekshibit (tiga ekshibit kesemuanya). Manakala pihak timbalan pendakwa raya pula telah memfailkan suatu afidavit jawapan yang telah diikrarkan oleh Encik Ahmad Rosli bin Mohd Sham yang tidak bertarikh seperti yang terdapat di KM (6) sebagai menentang permohonan ini. Pihak-pihak telah menyampaikan penghujahan di hadapan saya secara lisan pada 22 Mac 2006 dan permohonan ini ditetapkan untuk keputusan pada tarikh 24 Mac 2006.

PENGHUJAHAN

[7] Hujah peguam pemohon adalah dilandaskan kepada kandungan afidavit pemohon sendiri, khususnya kepada perenggan 3–13 di mana pemohon telah

menggariskan kronologi kes sehingga membawa kepada rayuan ini serta perintah penangguhan perlaksanaan hukuman. Juga dibutirkan secara terperinci akan sebab-sebab kegagalan beliau untuk hadir ke mahkamah ini pada tarikh 12 Januari 2006 serta dihuraikan akan usaha-usaha yang beliau lakukan untuk memaklumkan kepada pihak mahkamah ini akan ketidakhadiran beliau ke mahkamah ini semasa prosiding 12 Januari 2006 tersebut. Dinyatakan juga bahawa pada tarikh tersebut, kes rayuannya itu masih tidak boleh didengar disebabkan rekod rayuan masih di dalam proses penyediaan oleh pihak mahkamah lagi. Dihujahkan bahawa mahkamah ini berkuasa untuk menghidupkan semula kes rayuan yang telah dibatalkan ini kerana mahkamah dihujahkan masih belum 'functus officio' lagi. Rujukan selanjutnya dilakukan kepada kedudukan beberapa autoriti seperti yang dilampirkan di dalam ikatan autoriti mereka.

[8] Timbalan pendakwa raya pula di dalam penghujahannya menyatakan bahawa di dalam prosiding ini, tidak terdapatnya apa-apa kesilapan atau kecacatan semasa pengendalian kes ini.

[9] Dihujahkan yang mahkamah ini telah 'functus officio' di dalam prosidingnya pada tarikh 12 Januari 2006 itu di samping menekankan bahawa mahkamah ini bukanlah 'forumnya' untuk memfailkan dan penentuan permohonan sebegini. Dihujahkan yang peruntukan s 278 Kanun Acara Jenayah telah menyekat mahkamah ini dari menjalankan kuasa menyemak semula perintah yang telah diberikan. Rujukan juga dilakukan terhadap kedudukan beberapa autoriti seperti yang terkandung di dalam ikatan autoriti yang telah dikemukakan.

PENEMUAN MAHKAMAH

[10] Tidak dinafikan melalui penghujahan kedua-dua belah pihak, penghujahan adalah berkisar terhadap maxim 'functus officio' dan juga 'judgment' ataupun keputusan. Apakah yang dimaksudkan dengan 'functus officio' itu? Di dalam kes *New India Insurance Co Ltd v Karam Singh* [1972] 2 MLJ 26, Mahkamah Persekutuan (ketika itu) telah mengolahkan seperti berikut mengenai 'functus officio":

> Functus officio means a person who has discharged his duty, or whose office of authority is at an end. (see *Bedwell v Wood* (1877) 2 QBD 626. Thus, once a President has convicted a person charged with an offence before him, he is 'functus officio' and cannot rescind the sentence and re-try the case.
>
> Similarly, once he has tried a civil action and made an order on the final determination of the dispute between the parties, he is ' 'functus officio' and cannot rescind his final order and re-try the case, or try a subsequent action between the same parties on the same subject matter.

[11] Osborn's *Concise Dictionary* pula memberikan definasi terhadap ungkapan 'functus officio' sebagai having discharged his duty'. Hubungan 'functus officio' ini pula adalah berkait rapat dengan isu 'judgment' yang diperkatakan itu. Apakah yang dimaksudkan sebagai 'judgment' dan di dalam prosedur yang sebagaimana pula sesuatu itu dianggap sebagai 'judgment'? Rujukan terhadap *Hamid's Criminal*

Procedure terbitan Sweet & Maxwell di ms 579 didapati memberikan sedikit panduan akan apakah yang dimaksudkan sebagai 'judgment' ini:

> Judgment means the expression of the opinion of the Judge or Magistrate arrived at after due consideration of the evidence and of the arguments. Judgment means a judgment of conviction or acquittal

[12] Seksyen 318 Kanun Acara Jenayah pula menyatakan:

> On the determination of the hearing of the appeal, the judge shall …….. deliver judgment in open court.

[13] Di dalam proses yang dikatakan bagi mencapai 'judgment' itu, s 386 of the Code of Criminal Procedure 1973 (India) pula, di bawah tajuk *Powers of the Appellate Court* dinyatakan:

> After perusing such record and hearing the appellant or his pleader, if he appears, and the public prosecutor, if he appears, and in case of an appeal under s 377 or s 378, the accused, if he appears, the appellate court may, if it considers that there is no sufficient ground for interfering, dismiss the appeal …

[14] Dari petikan terhadap perkara di atas serta meneliti kepada ulasan statute oleh *Hamid's Criminal Procedure*, bolehlah dirumuskan bahawa sesuatu rayuan itu boleh dianggap sebagai telah muktamad penghakimannya bilamana proses seperti yang digariskan melalui s 386 itu telah dilalui dan dipatuhi terlebih dahulu dengan sepenuhnya.

[15] Adalah jelas, berpandukan kepada kedudukan perundangan yang dinyatakan itu, prosiding yang dijalankan di hadapan mahkamah ini pada 12 Januari 2006 itu di mana rayuan perayu telah dibatalkan di atas alasan ketidakhadiran beliau bukanlah merupakan sesuatu yang muktamad lagi bagi membolehkan peruntukan s 278 Kanun Acara Jenayah terpakai. Ianya adalah merupakan perintah semata yang dikeluarkan mengikut proses pengendalian biasa sesuatu kes di mahkamah. Tiada terdapat sebarang 'judgment' dikeluarkan kerana rayuan masih belum didengari dari segi meritnya lagi dan di tarikh itu juga, didapati rekod rayuan masih belum dilengkapkan lagi. Perintah yang dikeluarkan pada tarikh 12 Januari 2006 itu bukanlah merupakan dan tidak boleh dianggap sebagai suatu'judgment'. Walaupun nota mahkamah menyatakan bahawa rayuan perayu dibatalkan, lantas mengekalkan keputusan oleh hakim mahkamah sesyen yang dijatuhkan pada tarikh 24 Julai 2003, itu adalah merupakan suatu prosedur biasa dilakukan kerana pada ketika itu, alasan ketidakhadiran perayu ke mahkamah masih belum diketahui lagi. Seperti yang sedia dimaklumi, melalui proses pendengaran notis tunjuk sebab yang telah dijalankan pada 1 Mac 2006, mahkamah telah mencapai keputusan untuk menerima penjelasan yang disampaikan oleh penjamin akan alasan ketidakhadirannya dan juga ketidakhadiran perayu semasa prosiding pada 12 Januari 2006. Perintah membatalkan rayuan serta perintah mengekalkan sabitan dan hukuman oleh hakim mahkamah sesyen itu tidak boleh dianggap sebagai suatu 'judgment' di peringkat mahkamah ini. Sesuatu keputusan atau 'judgment' perlulah melalui proses dan

prosedurnya yang tersendiri seperti yang digariskan di bawah beberapa peruntukan di dalam Kanun Acara Jenayah seperti yang telah diaplikasikan melalui keputusan kes-kes.

[16] Peruntukan s 278 Kanun Acara Jenayah tidak terpakai di sini kerana tidak wujudnya sebarang "judgment" oleh mahkamah ini lagi. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan, proses rayuan perlulah melalui beberapa proses tertentu sebelum ianya dapat diputuskan dengan syarat utamanya seperti penyediaan dan kelengkapan rekod rayuan; yang mana di dalam kes ini ianya masih belum disiapkan lagi.

Mahkamah menyedari akan hakikat bahawa di bawah Kanun Acara Jenayah, tiada terdapatnya peruntukan nyata mengenai 'inherent power of the court' seperti Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, khususnya A 92 yang jelas menyatakan kuasa sedemikian diberikan kepada mahkamah secara nyata. Akan tetapi, walaupun ianya 'silent', tidak bermakna kuasa itu tiada. Mahkamah percaya kuasa budi bicara tersebut tetap ujud. Ianya wujud melalui prinsip 'natural justice' yang diambil dan dipraktikkan di bawah sistem 'common law'. Mahkamah percaya dan sentiasa berpegang kepada prinsip 'in the interest of justice', iaitu melalui kuasa budi bicara yang sentiasa dipraktikkan di bawah sistem 'common law' ini. Juga, dari segi kemunasabahannya pula, jika kuasa membatalkan itu ada diberikan di bawah statut, tiada sebab pula mengapa kuasa menghidupkannya semula itu tiada. Kuasa itu wujud, tetapi perlulah diaplikasikan secara judiciously with reasons'. Telahan ini diperkukuhkan lagi bilamana rujukan kepada teks *Criminal Trial, Practice and Procedure India* oleh M Sreedhara Rao (4th. Ed), di bawah heading 'Quashing FIR and grounds for quashing by inherent powers' — dinyatakan:

> The High Court has power to dismiss an appeal or any other Criminal proceeding for default and High Court, has also the power to restore such proceedings on sufficient grounds being shown for non-appearance …

[17] Membandingkan pula dengan prosedur yang diamalkan di dalam kes-kes sivil Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT) telah dipinda — khusus untuk mengenepikan perkara-perkara berbentuk teknikal sebagai penghalang kepada mencapai sesuatu keadilan. A 1 dan 2 KKMT telah dipinda khusus untuk mengenepikan soal-soal teknikal dari dijadikan sebagai alasan untuk menghalang perlancaran perjalanan sesuatu kes. Begitu juga halnya dengan kes-kes jenayah.

[18] Walaupun tiada terdapat pindaan dilakukan terhadap Kanun Acara Jenayah lagi di atas alasan yang serupa, amalan mahkamah di akhir-akhir ini nampaknya tidak begitu memberikan penekanan kepada soal-soal yang dianggap sebagai teknikal ini, setidak-tidaknya di dalam kes-kes yang sebegini.

[19] Saya percaya, demi 'prinsip pentadbiran keadilan' diutuhkan, sesuatu kes itu wajarlah diputuskan dari segi meritnya. Walaupun autoriti-autoriti yang dikemukakan oleh pihak-pihak itu tidak dapat mencapai kata putus yang jitu terhadap prosedur mana yang sebenarnya mengikat, saya tetap berpendirian bahawa sesuatu perkara seperti perbicaraan dan rayuan seperti ini, perlulah ianya diputuskan di atas meritnya. Namun diakui hakikat, ianya tetap bergantung kepada keadaan suatu kes itu juga, khususnya kepada keseriusan sesuatu pihak itu sendiri. Di dalam

kes kita pada hari ini, selaras dengan keputusan saya seperti yang telah saya lakukan di akhir prosiding tunjuk sebab pada 1 Mac 2006 itu, saya dengan ini menerima akan alasan ketidakhadiran perayu semasa prosiding pada 12 Januari 2006 itu sebagai alasan yang munasabah; lantas membawa kepada penentuan permohonan beliau di dalam notis usul ini.

KEPUTUSAN

[20] Selepas menimbangkan permohonan yang dikemukakan melalui notis usul ini, saya dengan ini memutuskan untuk membenarkannya seperti berikut:

(i) bahawa kes rayuan yang dibatalkan pada 12 Januari 2006 dihidupkan semula dan disenaraikan;

(ii) perayu dibenarkan bebas dengan ikat jamin (release on bail) dengan seorang penjamin dengan kadar jaminan sebanyak RM10,000 dan perlaksanaan hukuman ke atasnya digantung sementara menunggu kes rayuannya dibicarakan;

(iii) perbicaraan rayuan ditetapkan dalam tempoh dua bulan dari tarikh hari ini sementara menunggu rekod; rayuannya disiapkan oleh mahkamah sesyen Temerloh.

[21] Permohonan perayu seperti yang terkandung di notis usul KM (3) adalah dengan ini dibenarkan.

Permohonan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee